



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

## SIARAN MEDIA

### MESYUARAT JAWATANKUASA KABINET MENGENAI KESESAKAN JALANRAYA (JKMKJR) Bil.1/2023

Hari ini saya telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kesesakan Jalan Raya (JKMKJR) Bil.1/2023 sebagai mesyuarat sulung (*inception meeting*) dalam perbincangan isu-isu kesesakan jalan raya terutamanya pada waktu kemuncak khususnya di Lembah Klang.

Empat (4) kertas kerja telah dibincangkan dalam mesyuarat ini merangkumi:

- i) Struktur Tadbir Urus, Terma Rujukan (TOR), Output Utama dan Jadual Pelaksanaan Kerja Utama;  
Kertas pembentangan ini adalah bagi mendapatkan pengesahan dan kelulusan Jawatankuasa terhadap struktur tadbir urus dan TOR Jawatankuasa serta penetapan output dan jadual pelaksanaan kerja utama JMKJR.
- ii) Latarbelakang, Isu dan Syor Penambahbaikkan Mengatasi Kesesakan Jalan Raya;  
Isu-isu kesesakan jalan raya terutama sekali melibatkan Lembah Klang telah dikupas dan diperhalusi. Jawatankuasa ini telah mengenalpasti dan mengesahkan beberapa punca asas (*fundamental*) yang menyumbang kepada kesesakan jalan raya di Lembah Klang dan mengambil maklum mengenai syor-syor mengurangkan dan mengawal kesesakan jalan raya tersebut.  
Setiap syor yang dibentangkan perlu diperhalusi lebih lanjut oleh beberapa Kumpulan Fokus (*focus group*) yang telah dibentuk melalui Jawatankuasa ini untuk dilaksanakan dengan segera.



iii) Kajian Kesesakan Lalulintas Dan Perspektif First Mile Dan Last Mile Sekitar Kuala Lumpur;

Mesyuarat mengambil maklum situasi sebenar pergerakan kenderaan keluar dan masuk ke pusat bandar. Berdasarkan analisis pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi suku tahun pertama 2023, jumlah kenderaan masuk dan keluar dari 13 jalan utama menuju ke pusat bandar menunjukkan purata 1.8 juta sehari dan boleh mencecah hampir 2.5 juta sehari.

Pihak DBKL juga telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usaha mengawal kesesakan jalan raya di sekitar pusat bandar yang berfokus kepada pemerkasaan perkhidmatan pengangkutan awam dan aktiviti kawalan trafik yang mana juga dalam perhatian dan tindakan Kementerian Pengangkutan.

iv) Kesesakan Lalulintas Kuala Lumpur

Beberapa punca kesesakan jalan raya dari perspektif Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT, PDRM) termasuk inisiatif yang dilaksanakan telah diperhalusi.

Fokus utama mesyuarat adalah bagi membincangkan dan mendapat pemakluman awal mengenai isu dan punca kesesakan lalu lintas di peringkat fundamental serta **syor penambahbaikan jangka pendek, sederhana dan panjang**, seterusnya membincang dan **menetapkan pelan pelaksanaan (work programme), penetapan output utama (key deliverables) dan jadual kerja (work plan) untuk tahun 2023/2024**.

Mesyuarat juga mengambil maklum semua input dan syor yang telah





dikemukakan oleh ahli-ahli mesyuarat dan berharap agar semua pihak dapat melaksanakan peranan dibawah bidang kuasa masing-masing bagi memastikan tindakan segera dan berkesan dapat dilaksanakan.

Menerusi Jawatankuasa ini, kita akan melihat **pendekatan dan strategi bersifat quick win yang boleh dilaksanakan segera** seperti berikut:

- i) menambahbaik dan memperluaskan penyediaan bas henti-henti / bas pengantara;
- ii) menambahbaik akses/kemudahan pejalan kaki ke stesen bas/rel;
- iii) pengurusan trafik yang memberi keutamaan kepada pengangkutan awam;
- iv) pembangunan sistem maklumat dan pengurusan jadual berintegrasi tunggal di Lembah Kelang;
- v) menambah baik tempat menunggu bas yang selesa dan selamat dengan sistem maklumat bas;
- vi) menambah penyediaan pengangkutan awam alternatif seperti On-demand Services, e-hailing; dan,
- vii) pengintegrasian mod pengangkutan (bus/rel).

Jawatankuasa ini melantik Kementerian Pengangkutan sebagai sekretariat dan melibatkan keanggotaan terdiri daripada beberapa Kementerian utama dan agensi iaitu:

- i) Kementerian Kerja Raya;
- ii) Kementerian Dalam Negeri;
- iii) Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan;
- iv) Kementerian Kewangan;
- v) Polis DiRaja Malaysia; dan





vii) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLAN Malaysia)

Selain itu, beberapa Pihak Berkuasa Tempatan juga turut dilibatkan iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Subang Jaya dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Ahli-ahli akademik dari institusi pengajian tinggi tempatan seperti UiTM, UTHM, UKM, UM dan UTAR turut dijemput menganggotai JKMKJR.

InsyaAllah, Kementerian Pengangkutan selaku sekretariat akan membentangkan satu memorandum kepada Jemaah Menteri bagi melaksanakan penubuhan Jawatankuasa ini dalam masa terdekat.

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI**

**Timbalan Perdana Menteri 1**

**2 Mei 2023**

**-TAMAT-**

---

**Tentang MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

**Pertanyaan Media:**

**Encik shuhaimi.mohamed**  
**Setiausaha Akhbar Kepada TPM 1**  
E-mail [shuhaimi.mohamed@jpm.gov.my](mailto:shuhaimi.mohamed@jpm.gov.my)

**Encik Fadzmel Fadzil**  
**Setiausaha Akhbar Kepada TPM 1**  
E-mail [fadzmel@rurallink.gov.my](mailto:fadzmel@rurallink.gov.my)

**Mr Lu Wei Hoong**  
**Setiausaha Akhbar kepada Menteri Pengangkutan**  
E-mail [lwh@mot.gov.my](mailto:lwh@mot.gov.my)  
**atau**  
E-mail [unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)

